



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 17.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau

kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu memberi perhatian terhadap perkara berikut:


- a. Memastikan baki bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) didedahkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada PBAPP tidak boleh dibuat secara pelarasan kontra dengan bayaran Fi Air Mentah oleh PBAPP agar selaras dengan kerangka kerja perakaunan.
- b. Memastikan peruntukan Akaun Amanah Disatukan diurus dan digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- c. Memastikan Pelaburan Pelbagai Aset Kewangan dinyatakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan.

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal(1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 OGOS 2023



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

1. PENDAHULUAN


Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 12 April 2023. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusan perakaunan dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Sebahagian maklumat Aset dan Liabiliti yang tidak dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum.

Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM1,859.26 juta, menurun sebanyak RM257.74 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2,117.00 juta. Akaun Hasil Disatukan menurun sebanyak RM159.96 juta kepada RM688.85 juta berbanding RM848.81 juta pada tahun 2021, manakala Akaun Amanah Disatukan menurun sebanyak RM97.78 juta kepada RM1,170.41 juta berbanding RM1,268.19 juta pada tahun 2021. **Jadual 1** menunjukkan perbandingan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan antara tahun 2021 dan 2022. **Carta 1** pula menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 sehingga 2022.

JADUAL 1 : PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI BAGI TAHUN 2021 DAN 2022

	2022	2021	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	688.85	848.81	(159.96)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	1,170.41	1,268.19	(97.78)
KUMPULAN WANG DISATUKAN	1,859.26	2,117.00	(257.74)

**CARTA 1 : KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI
BAGI TAHUN 2018 – 2022**



2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.1. WANG AWAM

2.1.1 Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai dalam Bank, Wang Tunai dalam Perjalanan dan Wang Tunai dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM64.33 juta adalah mencakupi Wang Tunai dalam Bank berjumlah RM63.95 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM0.01 juta dan Wang Tunai dalam tangan berjumlah

RM0.37 juta. Baki Wang Tunai pada akhir tahun 2022 menurun sebanyak RM132.74 juta daripada RM197.07 juta pada tahun 2021. Penurunan yang ketara adalah disebabkan baki Wang Tunai dalam Bank menyusut sebanyak RM132.75 juta kepada RM63.95 juta berbanding RM196.70 juta pada tahun 2021. Wang Tunai dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan. **Jadual 2** menunjukkan perbezaan baki wang tunai antara tahun 2021 dan 2022.

**JADUAL 2 : KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2021 DAN 2022**

	2022	2021	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	63.95	196.70	(132.75)
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.01	0.00	0.01
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.37	0.37	0.00
JUMLAH WANG TUNAI	64.33	197.07	132.74

2.1.2 Pelaburan


Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM1,794.93 juta. Amaun ini terdiri daripada Pelaburan Deposit Dana Am berjumlah RM1,719.10 juta, Pelaburan Ekuiti Dana Am berjumlah RM31.15 juta, Pelaburan Deposit Akaun Amanah berjumlah RM43.70 juta dan Pelaburan Pelbagai Aset Kewangan Akaun Amanah berjumlah RM0.98 juta. Pelaburan Deposit Dana Am menurun sebanyak RM125 juta kepada RM1,719.10 juta berbanding RM1,844.10 juta pada tahun 2021, manakala yang lain tiada perubahan.

2.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

2.2.1 AKAUN HASIL DISATUKAN

Pada tahun 2022, Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan berjumlah RM159.96 juta. Kurangan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM595.06 juta berbanding perbelanjaan mengurus berjumlah RM665.02 juta dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM90 juta. Kurangan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun dari RM848.81 juta pada tahun 2021 kepada RM688.85 juta pada tahun 2022. **Carta 2** menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 sehingga tahun 2022.


**CARTA 2 : KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2018 – 2022**



2.2.1.1 Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. **Carta 3** menunjukkan peratusan mengikut komponen hasil bagi tahun 2022. Pada tahun 2022, hasil menurun sebanyak RM97.18 juta kepada RM595.06 juta berbanding RM692.24 juta pada tahun 2021. Prestasi hasil negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti di **Jadual 3**.

CARTA 3 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2022



JADUAL 3 : PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL BAGI TAHUN 2018 – 2022

KOMPONEN	TAHUN				
	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	135.69	135.50	130.07	133.33	148.33
HASIL BUKAN CUKAI	591.61	330.14	254.22	474.23	336.32
TERIMAAN BUKAN HASIL	259.75	195.88	82.99	84.68	110.41
JUMLAH	987.05	661.52	467.28	692.24	595.06

a. Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2022 meningkat sebanyak RM15.00 juta berbanding tahun 2021. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Tanah. Pada tahun 2022, Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah berjumlah RM142.83 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM11.21 juta berbanding RM131.62 juta pada tahun 2021.

b. Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2022 menurun sebanyak RM137.91 juta berbanding tahun 2021. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan, Denda dan Hukuman serta Sumbangan dan Bayaran Ganti. Hasil yang paling ketara berkurang pada tahun 2022 adalah Perolehan dari Jualan Barang-barang yang menurun sebanyak RM199.16 juta kepada RM71.55 juta berbanding RM270.71 juta pada tahun 2021. Hasil paling tinggi yang dikutip adalah Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit iaitu sebanyak RM117.53 juta, meningkat sebanyak RM39.89 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM77.64 juta.


c. Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan, Terimaan dari Agensi Kerajaan dan Lain-lain Terimaan. Pada tahun 2022, Terimaan Bukan Hasil adalah berjumlah RM110.41 juta meningkat sebanyak RM25.73 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM84.68 juta.

2.2.1.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM755.02 juta, meningkat RM24.12 juta berbanding RM730.90 pada tahun 2021. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM27.97 juta dan Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM727.05 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen berjumlah RM180.28 juta, Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM179.94 juta, Perolehan Aset berjumlah RM6.42 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM386.86 juta dan Perbelanjaan Lain berjumlah RM1.52 juta. **Carta 4** menunjukkan peratusan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tahun 2022. Prestasi perbelanjaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti di **Jadual 4**.

CARTA 4 : PERATUSAN PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2022



**JADUAL 4 : PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT
KOMPONEN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018 – 2022**

KOMPONEN	TAHUN				
	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)
EMOLUMEN	162.91	171.40	175.74	175.13	180.28
PERKHIDMATAN & BEKALAN	147.26	168.18	142.88	150.09	179.94
ASET	6.27	5.24	3.48	4.46	6.42
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	686.89	234.93	407.00	397.53	386.86
PERBELANJAAN LAIN	1.99	1.56	4.96	3.69	1.52
JUMLAH	1,005.32	581.31	734.06	730.90	755.02

a. Emolumen

Perbelanjaan Emolumen adalah berjumlah RM180.28 juta pada tahun 2022. Jumlah ini meningkat sebanyak RM5.15 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM175.13 juta.

b. Perkhidmatan dan Bekalan

Pada tahun 2022, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan adalah berjumlah RM179.94 juta merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini meningkat sebanyak RM29.85 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM150.09 juta.

c. Aset

Perbelanjaan Aset bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM6.42 juta, meningkat sebanyak RM1.96 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4.46 juta.

d. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM386.86 juta. Perbelanjaan ini menurun sebanyak RM10.67 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM397.53 juta. Peratusan perbelanjaan bagi komponen ini adalah yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan. Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM90.00 juta berbanding RM100.00 juta pada tahun 2021.

e. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Perbelanjaan Lain bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM1.52 juta, menurun sebanyak RM2.17 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM3.69 juta.

2.2.2 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

2.2.2.1. Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Pada tahun 2022, tiada sebarang transaksi terimaan dan pindahan pinjaman dan baki Akaun Pinjaman Disatukan adalah sifar, bersamaan dengan baki pada tahun 2021.

Jadual 5 menunjukkan prestasi Akaun Pinjaman Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 hingga 2022.


**JADUAL 5 : PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2018 – 2022**

PERIHAL	TAHUN				
	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERIMAAN PINJAMAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

2.2.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM1,170.41 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM97.78 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1,268.19 juta. **Carta 5** menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 hingga 2022, manakala **Jadual 6** menunjukkan prestasi Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tempoh yang sama.

**CARTA 5 : KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2018 – 2022**



**JADUAL 6 : PRESTASI AKAUN AMANAH DISATUKAN KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT KOMPONEN BAGI TAHUN 2018 – 2022**

PERIHAL	TAHUN				
	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	46.44	52.48	26.74	84.57	6.12
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	137.96	177.09	176.32	225.55	228.38
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	504.19	527.85	552.90	796.14	778.99
AKAUN WANG DEPOSIT	207.66	187.57	177.72	161.93	156.92
JUMLAH	896.25	944.99	933.68	1,268.19	1,170.41

2.2.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Pada tahun 2022, terimaan Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM90 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM15.52 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM29.68 juta,

Terimaan Balik Pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri berjumlah RM2.20 juta, Hasil Pajakan berjumlah RM9.63 juta dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM0.24 juta. Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM225.72 juta.

2.2.3.2 Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada kumpulan wang pusingan dan akaun-akaun amanah yang diwujudkan bagi menerima peruntukan Kerajaan Negeri dengan tujuan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Antaranya adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri dan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sebanyak RM2.83 juta pada tahun 2022 kepada RM228.38 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM225.55 juta.

2.2.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2022 adalah berjumlah RM778.99 juta, menurun sebanyak RM17.15 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM796.14 juta.

2.2.3.4 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pada tahun 2022, baki wang deposit menurun sebanyak RM5.01 juta kepada RM156.92 juta berbanding RM161.93 juta pada tahun 2021.

3. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

3.1. ASET

Aset terdiri daripada Akaun Belum Terima, Pinjaman Boleh Dituntut, Bayaran Fi Air Mentah dan Pelaburan.

3.1.1. Akaun Belum Terima

Pada tahun 2022, Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM91.78 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM5.75 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM86.03 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM68.11 juta dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) berjumlah RM18.88 juta.

3.1.2. Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Pada tahun 2022, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM101.46 juta terdiri

daripada baki pinjaman kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai berjumlah RM36.68 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. berjumlah RM31.60 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. berjumlah RM33.18 juta.

3.1.3. Bayaran Fi Air Mentah

Baki Bayaran Fi Air Mentah pada tahun 2022 yang masih belum dijelaskan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang adalah berjumlah RM6.38 juta berdasarkan anggaran pengeluaran air tahun 2022.

3.1.4. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pelaburan-pelaburan ekuiti dalam PBA Holdings Bhd., Maxis Bhd. dan Malaysia Airport Berhad. Nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM229.31 juta. Nilai pelaburan yang dipegang oleh Pengurus Dana adalah berjumlah RM26.50 juta, Maxis Bhd. berjumlah RM25.25 juta, Malaysia Airport Berhad (*Right Issue*) berjumlah RM4.73 juta dan PBA Holdings Bhd. berjumlah RM172.83 juta.

3.2 LIABILITI

3.2.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2022 adalah berjumlah RM41.11 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM4.30 juta berbanding baki tahun 2021 yang berjumlah RM45.41 juta.

3.2.2 Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar Kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau sesuatu peristiwa tertentu. Ini termasuk *back-to-back guarantee* yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk kemudahan pinjaman kredit Tidar yang diperolehi daripada Maybank Berhad, CIMB Bank Berhad, Affin Bank Berhad dan RHB Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan HSBC Amanah Malaysia Berhad berjumlah RM545.10 juta.

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2022.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2022.


ZABIDAH BINTI SAFAR
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
12 April 2023


MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN
Bendahari Negeri Pulau Pinang
12 April 2023

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	64,330,078.68	197,074,214.14
PELABURAN	4	1,794,932,000.00	1,919,932,000.00
		1,859,262,078.68	2,117,006,214.14
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	688,849,803.05	848,815,999.64
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,170,412,275.63	1,268,190,214.50
		1,859,262,078.68	2,117,006,214.14

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>		<u>2021</u>	
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		148,329,299.31		133,328,696.08	
Hasil Bukan Cukai		336,319,677.90		474,232,330.79	
Terimaan Bukan Hasil		<u>110,413,766.21</u>	595,062,743.42	<u>84,681,301.47</u>	692,242,328.34
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		0.00		0.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Terimaan Modal	4 dan 7				
Jualan Instrumen Kewangan		<u>1,252,095,200.00</u>	1,252,095,200.00	<u>269,854,287.17</u>	269,854,287.17
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		<u>2,489,806,644.26</u>	2,489,806,644.26	<u>4,101,141,763.32</u>	4,101,141,763.32
Jumlah Terimaan			<u>4,336,964,587.68</u>		<u>5,063,238,378.83</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>		<u>2021</u>	
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		180,286,149.18		175,126,794.11	
Perkhidmatan dan Bekalan		179,940,095.17		150,094,795.94	
Aset		6,418,482.46		4,462,568.29	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		386,862,665.49		397,527,413.22	
Perbelanjaan Lain		<u>1,521,547.71</u>	755,028,940.01	<u>3,688,452.07</u>	730,900,023.63
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		224,965,410.59		205,579,722.52	
Pinjaman		<u>754,218.50</u>	225,719,629.09	<u>0.00</u>	205,579,722.52
Perbelanjaan Modal	4 dan 7				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>1,127,095,200.00</u>	1,127,095,200.00	<u>431,886,287.17</u>	431,886,287.17
Pembiayaan Hutang	5				
Dalam Negeri		0.00		0.00	
Kepada Agensi		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Bayaran Lain	7				
Akaun Amanah		<u>2,361,864,954.04</u>	2,361,864,954.04	<u>3,561,356,714.46</u>	3,561,356,714.46
Jumlah Bayaran			<u>4,469,708,723.14</u>		<u>4,929,722,747.78</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(132,744,135.46)		133,515,631.05
Wang Tunai Pada 1 Januari			197,074,214.14		63,558,583.09
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>64,330,078.68</u>		<u>197,074,214.14</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

0

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>		<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	485,422,981.00	595,062,743.42	692,242,328.34
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	935,222,719.00	665,028,940.01	630,900,023.63
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(449,799,738.00)	(69,966,196.59)	61,342,304.71
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	316,132,788.00	225,719,629.09	205,579,722.52
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(765,932,526.00)	(295,685,825.68)	(144,237,417.81)
DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		57,269,900.02	163,405,665.39
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3, 4, 7		238,415,925.66	(19,168,247.58)
JUMLAH PEMBIAYAAN			295,685,825.68	144,237,417.81

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	8	101,461,874.10	132,384,768.16
Pelaburan	8	229,312,402.06	229,481,762.00
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9	41,114,942.48	45,412,096.86

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusanniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusanniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Akaun Memorandum
- Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan Simpanan Tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan *Cash Basis IPSAS*. Wang Tunai Dalam Perjalanan merupakan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2022 RM	2021 RM
Wang Tunai Dalam Tangan	367,400.00	367,700.00
Wang Tunai Dalam Perjalanan**	17,250.00	0.00
Wang Tunai Dalam Bank	63,945,428.68	196,706,514.14
JUMLAH WANG TUNAI	64,330,078.68	197,074,214.14

Nota: (**) - Jumlah Wang Tunai Dalam Perjalanan sepatutnya tiada. Isu ini telah dilog pada 4/1/2023 melalui log no. 4GH-TMN-7ZX9 dan masih dalam semakan vendor dan Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Urusniaga Pelaburan Pelbagai Aset Kewangan dipegang oleh pengurus dana di Penyata Akaun Memorandum.

Pelaburan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2022 Nilai Buku		2021 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
Saham	0.00	31,148,000.00	0.00	31,148,000.00
Deposit Dalam Negeri	43,700,000.00	1,719,100,000.00	43,700,000.00	1,844,100,000.00
Pelbagai Aset Kewangan	984,000.00	0.00	984,000.00	0.00
Jumlah	44,684,000.00	1,750,248,000.00	44,684,000.00	1,875,248,000.00
JUMLAH PELABURAN	1,794,932,000.00		1,919,932,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022			2021	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		848,815,999.64		887,775,694.93	
HASIL					
Hasil Cukai	165,714,301.00	148,329,299.31	89.51	133,328,696.08	81.81
Hasil Bukan Cukai	219,588,864.00	336,319,677.90	153.16	474,232,330.79	189.13
Terimaan Bukan Hasil	100,119,816.00	110,413,766.21	110.28	84,681,301.47	91.74
Jumlah Hasil	485,422,981.00	595,062,743.42	122.59	692,242,328.34	136.80
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	183,995,270.00	180,286,149.18	97.98	175,126,794.11	94.97
Perkhidmatan dan Bekalan	192,918,590.00	179,940,095.17	93.27	150,094,795.94	84.21
Aset	7,004,064.00	6,418,482.46	91.64	4,462,568.29	89.54
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	348,860,015.00	296,862,665.49	85.10	297,527,413.22	88.20
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2,444,780.00	1,521,547.71	62.24	3,688,452.07	76.07
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	735,222,719.00	665,028,940.01	90.45	630,900,023.63	88.88
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	200,000,000.00	90,000,000.00		100,000,000.00	
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	935,222,719.00	755,028,940.01	80.73	730,900,023.63	80.33
Pelarasan Jurnal Tahun Sebelum	0.00	0.00		(302,000.00)	
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	(449,799,738.00)	(159,966,196.59)		(38,959,695.29)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		688,849,803.05		848,815,999.64	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022			2021	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI					
Cukai Tanah	148,001,803.00	148,001,803.00	142,822,735.93	131,622,285.66	90.63
Cukai Parit Dan Taliair	619,582.00	619,582.00	568,933.97	529,716.77	83.26
Cukai Langsung Yang Lain	92,916.00	92,916.00	14,400.00	2,700.00	2.38
Royalti	0.00	0.00	168.64	380,380.00	0.00
Cukai Hiburan	17,000,000.00	17,000,000.00	4,923,060.77	793,613.65	4.67
Jumlah Hasil Cukai	165,714,301.00	165,714,301.00	148,329,299.31	133,328,696.08	81.81

(disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022				2021	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran						
Pendaftaran dan Permit	46,637,309.00	46,637,309.00	117,528,440.29	252.01	77,642,824.33	163.88
Perkhidmatan dan Bayaran						
Perkhidmatan	46,173,326.00	46,173,326.00	71,308,337.39	154.44	60,548,081.35	117.74
Perolehan daripada Jualan						
Barang-barang	46,559,135.00	46,559,135.00	71,553,174.55	153.68	270,712,835.26	490.81
Sewaan	10,650,374.00	10,650,374.00	10,615,241.08	99.67	7,376,447.81	75.42
Faedah Dan Perolehan						
Dari Pelaburan	62,087,020.00	62,087,020.00	60,483,558.93	97.42	53,314,348.84	74.44
Denda dan Hukuman	7,474,680.00	7,474,680.00	4,830,925.66	64.63	4,488,683.17	29.21
Sumbangan Dan Bayaran	7,020.00	7,020.00	0.00	0.00	149,110.03	2,124.07
Ganti Daripada Luar						
Negeri Dan Sumbangan						
Tempatan						
Jumlah Hasil Bukan Cukai	219,588,864.00	219,588,864.00	336,319,677.90	153.16	474,232,330.79	189.13
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik						
Perbelanjaan	13,117,796.00	13,117,796.00	19,015,432.27	144.96	18,180,416.77	1,738.58
Terimaan daripada Agensi						
Kerajaan	87,002,020.00	87,002,020.00	90,658,312.86	104.20	66,073,304.19	72.40
Keuntungan Atas Jualan/						
Pelupusan Aset	0.00	0.00	100.00	0.00	0.00	0.00
Lain-lain Terimaan Atau						
Pindahan Atau Sumbangan	0.00	0.00	739,921.08	0.00	427,580.51	0.00
Keuntungan Dari						
Perubahan Nilai Aset	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	100,119,816.00	100,119,816.00	110,413,766.21	110.28	84,681,301.47	91.74
JUMLAH HASIL	485,422,981.00	485,422,981.00	595,062,743.42	122.59	692,242,328.34	136.80

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan. Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Penjenisan Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2022		%
	Anggaran	Anggaran	
	Asal	Dipinda	Sebenar
	RM	RM	RM
PERBELANJAAN TANGGUNGAN			
T. 01 Peruntukan Diraja	6,553,431.00	6,553,431.00	6,279,408.72
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	337,900.00	337,900.00	269,657.32
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	43,827,211.00	43,827,211.00	21,425,057.79
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	50,718,542.00	50,718,542.00	27,974,123.83
PERBELANJAAN BEKALAN			
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	209,473,780.00	209,473,780.00	203,378,633.79
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	14,978,190.00	14,978,190.00	14,101,173.66
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	7,834,844.00	7,834,844.00	7,397,210.99
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	7,298,846.00	7,298,846.00	6,596,420.01
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	8,905,110.00	8,905,110.00	8,509,582.71
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	8,602,656.00	8,602,656.00	8,219,334.27
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	7,205,163.00	7,205,163.00	6,946,438.03
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	47,019,765.00	47,019,765.00	46,281,033.19
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,824,160.00	3,824,160.00	3,585,169.64
B. 10 Jabatan Taman Botani	5,261,368.00	5,261,368.00	5,037,622.59
B. 12 Jabatan Kerja Raya	40,762,372.00	40,762,372.00	39,878,767.07
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	21,613,910.00	21,613,910.00	21,441,858.31
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	10,724,740.00	10,724,740.00	10,701,600.13
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,664,655.00	4,664,655.00	4,578,679.74
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	457,233,149.00	457,233,149.00	312,151,441.00 *
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	7,068,652.00	7,068,652.00	6,711,776.22
B. 18 Jabatan Pertanian	8,717,827.00	8,717,827.00	8,568,650.36
B. 19 Jabatan Mufti Negeri	3,457,070.00	3,457,070.00	3,256,352.55
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	8,354,800.00	8,354,800.00	8,348,255.05
B. 21 Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang	1,503,120.00	1,503,120.00	1,364,816.87
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	884,504,177.00	884,504,177.00	727,054,816.18
PERBELANJAAN MENGURUS	935,222,719.00	935,222,719.00	755,028,940.01

Nota: (*) - Pindahan Lebihan Hasil Ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM90,000,000.00

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran A - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaakun semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman terakhir yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun 2015.

Bayaran pinjaman termasuk faedah pinjaman negeri dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2022 (Debit)/Kredit RM	2021 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengaakun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	Baki pada 01.01.2022 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki pada 31.12.2022 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan (KWP)	84,567,200.09	225,719,629.09	147,269,900.02	6,117,471.02
Akaun Penyelesaian	0.00	1,530,143,670.74	1,530,143,670.74	0.00
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	225,556,386.97	374,544,618.98	377,373,587.45	228,385,355.44
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	310,123,587.06	2,130,407,918.81	2,054,787,158.21	234,502,826.46
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas dan Am	796,136,427.02	342,685,270.93	325,541,166.80	778,992,322.89
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	796,136,427.02	342,685,270.93	325,541,166.80	778,992,322.89
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	6,995,610.96	6,184,014.65	8,400,258.40	9,211,854.71
Deposit Khusus	151,842,303.85	48,222,804.44	43,130,791.91	146,750,291.32
Deposit Pelarasan	3,092,285.61	30,084,574.30	27,947,268.94	954,980.25
Jumlah Akaun Deposit	161,930,200.42	84,491,393.39	79,478,319.25	156,917,126.28
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	1,268,190,214.50	2,557,584,583.13	2,459,806,644.26	1,170,412,275.63

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2022 (Debit)/Kredit RM	2021 (Debit)/Kredit RM
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>	84,567,200.09	26,741,257.22
TERIMAAN		
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	15,516,000.00	16,310,300.00
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	90,000,000.00	100,000,000.00
Hasil Pajakan	9,634,444.20	9,433,001.43
Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan	29,678,887.82	118,812,846.96
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Badan Berkanun Negeri	2,200,000.00	2,200,000.00
Pelbagai Terimaan	240,568.00	16,649,517.00
Jumlah Terimaan	147,269,900.02	263,405,665.39
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	224,965,410.59	205,579,722.52
Pinjaman	754,218.50	0.00
Jumlah Bayaran	225,719,629.09	205,579,722.52
